bab satu

ringkasan eksekutif

Pendahuluan

Perubahan dalam persekitaran ekonomi dan perniagaan dan kemajuan pesat teknologi sepanjang dekad yang lalu mempunyai kesan yang ketara terhadap pembangunan sistem kewangan di peringkat domestik dan global.

Kuasa global dan perkembangan teknologi telah merombak peraturan dalam perniagaan dan telah mengubah persekitaran kewangan di mana institusi kewangan beroperasi. Justeru, kemampuan untuk meraih manfaat yang timbul daripada persaingan yang semakin sengit banyak bergantung kepada keupayaan dan kapasiti institusi kewangan untuk membuat penyesuaian dengan lancar dan menerima perubahan yang berlaku.

Pada masa yang sama, arus pembangunan dan transformasi yang pesat yang mewujudkan permintaan dan peluang perniagaan baru menuntut satu keperluan penyediaan perkhidmatan kewangan yang cekap dan berkesan. Dalam melangkah ke hadapan, satu strategi yang jelas perlu dirumus bagi sektor kewangan jika ianya ingin berjaya di dalam persekitaran baru dan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara di masa depan.

Visi dan Objektif Sektor Kewangan

Objektif PISK ialah untuk 'membentuk satu sistem kewangan yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan dinamik dengan amalan terbaik yang menyokong dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi sepanjang kitaran ekonomi, dengan sekumpulan institusi kewangan domestik yang mantap dan berpandangan ke hadapan, berorientasikan teknologi dan bersedia untuk menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi'. Pembangunan institusi domestik yang menjadi teras kepada sebuah sektor kewangan yang efisien, efektif dan stabil adalah penting dalam proses ini.

- Ekonomi benar Malaysia dijangka akan berkembang dengan ketara dalam dekad ini, dengan lebih bersepadu di peringkat antarabangsa dan lebih dinamik (dengan perkhidmatan yang lebih berorientasikan teknologi tinggi, dengan banyak bergantung kepada industri kecil dan sederhana [IKS] dan dengan kadar inovasi yang lebih pantas) dan dengan pengguna yang lebih terbeza dan mempunyai permintaan yang tinggi.
- Bagi menyokong sebuah ekonomi yang dinamik dengan cekap dan berkesan dan bagi memastikan institusi domestik akan memainkan peranan utama, sektor kewangan, khususnya institusi domestik perlu lebih fokus, efisien dan inovatif.
- Rangka kerja yang mengawal selia operasi industri kewangan akan mengambil pendekatan pasaran yang terselia. Peraturan ini akan membolehkan inovasi produk dan aktivisme pasaran, sambil diselia dengan berkesan oleh piawaian dan keperluan berhemat.
- Landskap kewangan pada akhir 10 tahun mendatang akan terdiri daripada pelbagai jenis pembekal perkhidmatan kewangan fizikal, daripada satu pusat kewangan serenti yang besar kepada pembekal perkhidmatan kewangan celahan, yang bersaing dengan pembekal maya yang merentasi hampir kesemua jenis produk. Di samping itu, pasaran modal akan memainkan peranan yang lebih penting secara relatif dalam pengagihan sumber dan risiko.

Cabaran Utama yang Perlu Ditangani

Dalam keadaan arus perubahan industri kewangan global yang terus bergerak pantas di alaf baru ini, sistem kewangan Malaysia, terutamanya institusi perbankan domestik dan syarikat insurans domestik akan lebih tertekan untuk menjadi lebih efisien dan berdaya saing, lebih inovatif, dan lebih berorientasikan teknologi, di samping lebih fokus dalam mengatur strategi. Infrastruktur kewangan akan diwujudkan dengan sewajarnya untuk membantu dan menyokong perkembangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, industri kewangan akan berhadapan dengan cabaran-cabaran utama seperti berikut:

- Keperluan bagi institusi domestik memperbaiki kecekapan dan keberkesanan agar setanding dengan bank-bank antarabangsa terbaik; dan
- Keperluan untuk memastikan jurang prestasi tidak melebar memandangkan teknologi terus mempengaruhi trend global di dalam perkhidmatan kewangan. Untuk bersaing dalam persekitaran baru ini, institusi-institusi kewangan di dalam pasaran maju sedang giat memanfaatkan teknologi baru, di samping:
  - Menjadi semakin global dan mengkhusus;
  - Menggunakan struktur organisasi baru dan model saraan yang lebih agresif;

- Lebih banyak bergantung kepada pakatan-pakatan dan hubungan pihak ketiga; dan
- Meningkatkan pelaburan di dalam teknologi.

Saranan Untuk Mencapai Objektif

Untuk meningkatkan inovasi, kefleksibelan dan dinamisme ke dalam sistem kewangan Malaysia, PISK telah membuat beberapa saranan yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh rancangan. Langkah-langkah untuk mengenal pasti dan menghapuskan halangan kepada kemajuan akan dilaksanakan bermula dengan kemajuan dalam prasarana dan mempertingkatkan tahap persaingan tempatan untuk membenarkan institusi-institusi terbaik berkembang maju.

Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh institusi kewangan domestik dalam memastikan kestabilan sistem kewangan dan menyokong ekonomi, langkah-langkah perlu diambil untuk:

- Membangunkan institusi-institusi domestik yang terbaik dengan:
  - Membina keupayaan institusi-institusi domestik; dan
  - Menambah insentif kepada institusi-institusi domestik bagi mendorong peningkatan prestasi.
- Mengekalkan kestabilan sistem kewangan melalui suatu prasarana yang efisien, institusi yang lebih berdaya tahan dan peraturan dan penyeliaan berhemat yang mantap;
- Memenuhi matlamat sosioekonomi Malaysia yang akan menghasilkan herotan yang sekecil mungkin dan meminimumkan bebanan ke atas institusi; dan
- Menggalakkan infrastruktur perlindungan pengguna yang lebih berorientasikan pasaran.

Pendekatan Pelaksanaan

Program perubahan akan dilaksanakan dalam tempoh 8-10 tahun melalui tiga fasa, bergantung kepada pencapaian peringkat-peringkat kemajuan dan langkah perlindungan yang ditetapkan. Fasa pertama melibatkan peningkatan keupayaan domestik, fasa kedua melibatkan peningkatan persaingan domestik manakala fasa ketiga pula melibatkan peningkatan integrasi dengan pasaran antarabangsa.

Walaupun langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan domestik akan dilaksanakan semasa fasa pertama, langkah-langkah tersebut akan sentiasa diperkukuhkan semasa fasa kedua dan ketiga untuk memastikan agar proses peralihan ke arah pasaran yang lebih kompetitif dan semakin dinyahkawal serta lebih liberal, berjalan secara teratur. Susunan saranan spesifik yang dibuat di dalam PISK tidak semestinya menunjukkan aturan pelaksanaan. Saranan-saranan tersebut akan dilaksanakan secara praktikal di mana hasil yang diharapkan akan dicapai tanpa meninggalkan kesan tidak stabil kepada sektor kewangan.